

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 DISEMBER 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI akan cadang mesyuarat jawatankuasa bersama dengan Korea Selatan	Bernamea.com
2	Korea Selatan sumber inspirasi Negara maju: PM	Berita Harian
3	'M'sians need some Seoul inspiration'	The Star
4	PM: S. Korea can inspire us to be economic giant	New Straits Times
5	Sasar antara 10 negara terbaik	Harian Metro
6	Congratulations : 2014 Conferment of Fellowship of the Academy of Sciences Malaysia	New Straits Times
7	Belanja RM5j: MOSTI guna peruntukan daripada bajet untuk Buy Back Policies mulai tahun depan	Harian Metro
8	Angin kencang, laut bergelora dijangka hingga Jumaat	Sinar Harian
9	Strong winds, rough seas expected until Friday	The Star
10	Amaran angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan hingga jumaat	Bernamea.com
11	ANGKASA nafi bumi bergelap	Berita Harian
12	Peluang saksikan pancuran Meteor Geminids	Utusan Malaysia
13	Orang ramai berpeluang saksikan pancuran meteor geminids hujung minggu ini	Bernamea.com
14	SIRIM holds industry night	New Straits Times



Mosti Akan Cadang Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Dengan Korea Selatan

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) akan mencadangkan untuk mesyuarat jawatankuasa bersama dengan Korea Selatan tahun depan bagi membincangkan lebih lanjut potensi perkongsian dan kerjasama sedia ada dalam sains, teknologi dan inovasi di antara kedua-dua negara.

Dalam satu kenyataan Selasa, kementerian itu berkata, ia mengalu-alukan cadangan dari Korea Selatan untuk Program Kerjasama Loji Tenaga Nuklear di bawah gelombang kedua Dasar Pandang Ke Timur.

Untuk teknologi nuklear, kata kementerian itu, Malaysia telah memberi tumpuan kepada aplikasi dan penggunaan teknologi nuklear dalam pembangunan pertanian, industri, perubatan, perlindungan persekitaran dan modal insan.

"Kami berharap program di bawah inisiatif ini dapat dipertingkatkan lagi untuk merangkumi bukan sahaja Agensi Nuklear Malaysia, tetapi juga institusi pengajian tinggi di Malaysia," [kata Menteri, Datuk Dr Ewon Ebin.](#)

Ewon berada di Seoul bagi mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam lawatan rasminya ke republik berkenaan.

Kementerian itu berkata, ia akan menjalin kerjasama dua hala dalam sains forensik di antara Jabatan Kimia Malaysia dan Perkhidmatan Forensik Nasional Korea.

Sementara itu, SIRIM Malaysia dan Institut Industri Persekitaran dan Teknologi Korea sedang mengadakan perbincangan untuk membawa Sistem Pengesanan Teknologi Persekitaran ke Malaysia sebagai satu daripada inisiatif kerjasama mereka.

Mengenai kerjasama keselamatan siber, katanya, Cybersecurity Malaysia telah mengadakan kerjasama dengan beberapa pertubuhan di Korea, termasuk Perkhidmatan Forensik Nasional dan Agensi Keselamatan Internet Korea.

Kementerian berkata, kedua-dua negara boleh memanfaatkan kelebihan kompetitif masing-masing dalam sektor teknologi bio untuk membangunkan perkongsian yang baik untuk masa depan.

-- BERNAMA

Korea Selatan sumber inspirasi negara maju: PM

» Teladan buat negara kita jadi kuasa ekonomi dalam tempoh singkat



Ahmad Naim Tahir

ahmadnaim@bh.com.my

► Seoul

Malaysia boleh menjadikan Korea Selatan sebagai sumber inspirasi dalam merintis usaha menjadi negara maju, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, kejayaan Korea Selatan menjadi kuasa ekonomi dalam tempoh yang boleh dianggap agak singkat, sememangnya teladan terbaik buat Malaysia.

“Sebagai negara yang tiada sumber, beriklim sejuk pada tempoh tertentu, Korea Selatan perlu ada naluri untuk kelangsungan hidup. Naluri itu amat kuat dalam diri rakyatnya yang ditanam sejak mereka kecil.

“Sudah tentu jika mereka tak dapat bangunkan atau cari sumber kekayaan dengan guna akal dan fikiran, mereka akan jadi mangsa persekitaran,” katanya pada majlis makan malam bersama kira-kira 150 pelajar Malaysia di Korea Selatan, di sini malam tadi.

Yang turut hadir isterinya,



Najib bersama Rosmah bersalaman dengan pegawai kerajaan dari Malaysia dan Republik Korea sebaik tiba di Lapangan Terbang Seoul, semalam. [FOTO BERNAMA]

Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin; Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainuddin; Utusan Khas Perdana Menteri ke Asia Timur, Datuk Seri Tiong King Sing dan Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan, Datuk Rohana Ramli.

Najib yang dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini hingga Jumaat ini, berkata rakyat Korea Selatan juga amat berdisiplin dan melakukan sesuatu secara habis-habisan, mengatasi segala cabaran serta penuh fokus untuk memastikan apa yang dibuat berjaya.

Beliau menyifatkan rakyat

negara ini dilatih dalam suasananya disiplin begitu kuat atau 'iron clad discipline' bersama kawalan tegas atau 'regimented training'.

Dominasi golf dunia

“Dalam golf wanita contohnya, Korea Selatan mendominasi peringkat dunia. Dulu, Park Se-Ri dilatih ibu bapanya sejak kecil, berjalan turun naik tangga ke apartmen mereka, bukan naik lif.

“Ia untuk menguatkan otot kaki dan paha hinggalah dia berjaya menjadi pemain golf wanita utama dunia.

“Perlu kerja kuat, berdisiplin dan fokus kepada objektif untuk berjaya. Sebagai sebuah negara pula, perlu atasi semua cabaran yang ada untuk mencapai kejayaan,” katanya.

Sebab itu, katanya, Malaysia meneruskan Dasar Pandang ke Timur menerusi gelombang kedua kerana banyak manfaat boleh diperoleh daripada negara di rantau ini.

Perdana Menteri juga mengimbau sejarah ketika kereta keluaran Korea Selatan diperlekehkan, tapi kini menjadi antara yang terbaik di dunia, selain kejayaan negara ini dalam teknologi telefon pintar dan produk televisyen LED.

“Buat pelajar Malaysia di sini, anda datang dan belajar, dapat inspirasi serta lakukan perkara yang sama seperti orang Korea bila pulang ke tanah air nanti.

“Contohi komitmen, keghairahan untuk berjaya dan tanamkan juga jati diri sebagai rakyat Malaysia,” katanya.

'M'sians need some Seoul inspiration'

Emulate S. Koreans' discipline and thirst for success, Najib urges students

By SA'ODAH ELIAS
newsdesk@thestar.com.my

SEOUL: Datuk Seri Najib Tun Razak told Malaysian students studying in South Korea to emulate the Koreans' legendary high discipline and work culture.

He said there was no shortcut to success as has been proven by South Korea, a country that was once poor, but was now one of the world's economic powerhouses.

"Their country has no natural resources and its environment is very hostile and extreme," he said at a dinner with about 500 Malaysian students and Malaysians working here.

"Despite all that, their people have managed to turn their country into what it is today - a country that is respected for its innovation and many success stories."

There are about 590 Malaysian students currently studying in South Korean universities, mostly in engineering.

The Prime Minister, who is on a two-day official visit here, arrived yesterday.

He is accompanied by Datin Seri Rosmah Mansor, International Trade and Industry

Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed, Science Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin, Deputy Foreign Minister Datuk Hamzah Zainuddin and the Prime Minister's Special Envoy to East Asia Datuk Seri Tiong King Sing.

He said the Korean culture, their drive to succeed and their strong sense of pride for their country were elements that made them succeed in every field, including sports.

He cited the international golfing scene, which is currently being dominated by Koreans, and football as among the more notable examples.

"When I was young, I remembered watching our team beat the Koreans in Stadium Merdeka. But today, they are way ahead," he said. "They have left us far behind."

Najib said the second wave of the Look East Policy was being continued because the Government realised that there were still many things that Malaysia could learn from South Korea and Japan.

"This is not just about education. It is about being committed to success - having that passion to drive us to greater heights.



Warm welcome: Najib and Rosmah being greeted by South Korean officials at the Seoul Military Airport in Seongnam. - Bernama

"That is the spirit that we want in our students," he said. "I hope I can count on our young people to help transform Malaysia into a leading nation in the world."

Today, Najib will hold a bilateral meeting with South Korean President Park Geun-hye to steer the future direction of relations between

the two countries and exchange views on regional and international issues of common interest.

He is also expected to address Korean business leaders at a dialogue as part of efforts to boost business interaction and attract more investors to Malaysia.

PM: S. Korea can inspire us to be economic giant

OVERCOMING THE ODDS: Republic is 'a prominent role model for Malaysia'

YUSHAIMI YAHAYA
SEOUL
yushem@nst.com.my

PRIME Minister Datuk Seri Najib Razak yesterday called on Malaysians to develop a commitment to succeed, keen survival instincts, deep focus and the will to overcome the odds to take Malaysia to greater heights.

Najib, who arrived here yesterday for his four-day official visit to the republic, said in a speech at a dinner event hosted for Malaysians, including 150 students here, that discipline was also key to success.

Calling on Malaysians to emulate South Korea's achievements, Najib said these features would help Malaysians play key roles in the government's transformation programmes.

"South Korea had undergone rapid transformation in a short time. Now, they are an economic powerhouse that continues to command the respect of the world."

Malaysia, he said, should use South Korea as a source of inspiration by emulating its practices to emerge as an economic powerhouse.

The republic, he said, was a prominent role model for Malaysia, in tandem with the country's Look East Policy, originally introduced



Prime Minister **Datuk Seri Najib Razak** and his wife, **Datin Seri Rosmah Mansor**, with Malaysian students at a dinner event in **Seoul** yesterday. **Bernama pic**

by former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamed.

Malaysia is now implementing the second wave of the policy.

"The Koreans' survival instincts have made them highly focused. When you have survival instincts and the will to overcome odds, you will do everything to succeed," said Najib.

In drawing attention to the Koreans' "iron-clad discipline", he said discipline was a factor in achieving success.

"At one time, people used to laugh at Korean cars. Today, they are among the best in the world. Even in football... Malaysia used to

beat them hands down. Today, the Koreans are ahead in many fields."

Najib, however, impressed on the need for Malaysians to possess the *jati diri* (sense of belonging) spirit in the pursuit of success.

"This is the spirit that will drive us forward," said the prime minister, who was greeted by a round of applause by the students when he emphasised on the need to be proud to be Malaysian.

He was greeted by a resounding "yes" when he asked the students if they were proud to be Malaysians.

At the end of the dinner, the audience surprised Najib's wife, Datin Seri Rosmah Mansor, by pre-

sending her with a birthday cake and singing a birthday song.

Present were International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed, **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin**, Deputy Foreign Minister Datuk Hamzah Zainudin and Malaysian ambassador to South Korea Datuk Rohana Ramli.

Other than attending bilateral and trade talks here, Najib will also be in Busan to attend the 25th Asean-Republic of Korea Commemorative Summit, where he will deliver a keynote address at the closing ceremony tomorrow.

His visit will end on Friday.

Sasar antara 10 negara terbaik

KUALALUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu Malaysia menjadi antara 10 negara terbaik dalam Indeks Daya Saing Global dan Indeks Inovasi Global menjelang 2020.

Beliau berkata, hasrat kerajaan itu mampu dicapai menerusi pelaksanaan Inisiatif 'Science to Action' (S2A) atau 'Sains Untuk Tindakan' dan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2013-2020.

"Dasar ini diselia oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi," katanya dalam ucapan pada majlis mengumumkan Penganugerah Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) 2014 dan Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2014, malam kelmarin.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan Presiden

ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Pada majlis itu, Najib diberi pengiktirafan sebagai Felo Kehormat ASM 2014 atas sokongan padu beliau ke arah memajukan sains dan teknologi serta menjadi ia sebagai pusat kepada Program Transformasi Ekonomi.

Seramai 34 saintis diumumkan sebagai Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2014 serta 21 felo baharu dan dua felo kanan.

Najib berkata, inisiatif S2A yang dilancar pada November tahun lalu, bertujuan menggiatkan aplikasi sains dan teknologi untuk pembangunan industri, kesejahteraan rakyat dan tadbir urus sains, teknologi dan industri.

Oleh itu, katanya, kerajaan akan terus membantu penyelidik sains tempatan di institut penyelidikan kerajaan dan universiti awam dalam



Najib (tengah) menyampaikan Senior Felo Kehormat Akademi Sains kepada Datuk Dr Profesor Khairul Anuar Abdullah pada majlis pengumuman Penganugerah Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) 2014 dan Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2014, malam kelmarin.

merealisasikan sasaran yang ditetapkan.

"Hari ini, dunia dan Malaysia menerima kesan daripada kemunculan semua dan penyakit berjangkit yang baharu seperti Ebola dan denggi,

pemanasan global, tanah runtuh dan banyak lagi.

"Dengan semua bencana ini, saya menyeru masyarakat saintis menerusi Akademi Sains Malaysia untuk menerajui kajian mengenai isu-

dan melakukan analisis dan mencipta fakta saintifik dalam mencari penyelesaian berkekal dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Najib juga meminta masyarakat saintis menerajui ka-

jian mengenai isu-isu seperti air, makanan dan jerebu dan memberi input kepada kerajaan mengenai strategi dan langkah yang diperlukan untuk mengurangkan risiko.

Perdana Menteri juga berharap ASM akan meneruskan pencapaian cemerlang dalam menyampaikan objektifnya dan bekerja rapat dengan kerajaan ke arah membina negara yang lebih baik dan masa depan yang lebih cerah untuk semua rakyat Malaysia.

Di bawah penganugerahan Felo, Felo Kanan yang dilantik layak digelar sebagai ahli akademik manakala Felo pula berhak menggunakan gelaran Felo ASM (FASc).

Individu-individu yang dipilih melalui proses pemilihan ketat berdasarkan hasil kerja yang cemerlang, komitmen, kesungguhan dan daya kreativiti mereka dalam sains, teknologi dan industri. - Bernama

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 10 DISEMBER 2014 (RABU)



Thank You

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak & YABhg Datin Sri Rosmah Mansor

for gracing the

2014 Conferment of Fellowship of the Academy of Sciences Malaysia

&

the Announcement of the 2014 Top Research Scientists Malaysia (TRSM)

8 December 2014



Congratulations

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

on being conferred the Honorary Fellow of the Academy of Sciences Malaysia

2014 Senior Fellows

Academician Datuk Ir Hong Lee Pee FASc

Academician Professor Dato' Dr Khairul Anuar Abdullah FASc

2014 Fellows

Medical and Health Sciences Discipline

Professor Dr Jamunarani S Vadivelu FASc . Professor Datuk Dr Rohana Yusof FASc . Dr Teo Soo Hwang FASc . Professor Dr Wan Azman Wan Ahmad FASc

Engineering and Computer Sciences Discipline

Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Hj Hashim FASc . Professor Dr Abdul Rahman Mohamed FASc . Professor Dato' Ir Dr Abdul Wahab Mohammad FASc
Professor Dato' Ir Dr Badrulhisham Abdul Aziz FASc . Professor Dato' Dr Burhanuddin Yeop Majlis FASc . Ir G. Lalchand FASc

Biological, Agricultural and Environmental Sciences Discipline

Dato' Dr Abd Latif Mohmod FASc . Professor Dr Agamutu Pariatamby FASc . Professor Dr Jinap Selamat FASc
Professor Dr Shamsuddin Jusop FASc . Professor Dr Tan Soon Guan FASc

Mathematics, Physics and Earth Sciences Discipline

Professor Dato' Dr Mohd Yusof Hj Othman FASc . Professor Dr Ng Kwan Hoong FASc . Dato' Dr Yap Kok Seng FASc

Chemical Sciences Discipline

Professor Dato' Dr Musa Ahmad FASc . Professor Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc

Science & Technology Development and Industry Discipline

Datuk Dr Mohd Yusoff Sulaiman FASc

2014 Top Research Scientists Malaysia (TRSM)

Professor Dr Abdul Aziz Abdul Raman . Professor Dr Abdul Halim Mohamed Yatim . Professor Dr Abdul Kariem Mohd Arof . Professor Datuk Dr Abdul Khalil Shawkataly
Associate Professor Dr Abdul Manaf Hashim . Professor Dr Abdul Rahman Omar . Professor Dr Adeeba Kamarulzaman FASc . Professor Dr Ahmad Zuhairi Abdullah
Associate Professor Dr Che Mohd Ruzaidi Ghazali . Professor Dr Goi Bok Min . Professor Dr Hazizan Md Akil . Professor Dr Ishwar Singh Parhar
Professor Dr Jamunarani S Vadivelu FASc . Professor Dr Jinap Selamat FASc . Brig Gen Datuk Professor Dr Kamarudin Hussin . Professor Dr Khaliyah Awang
Professor Dr Kwai-Lin Thong . Professor Dr Mariatt Jaafar @ Mustapha . Professor Dr Masjuki Haji Hassan . Professor Dr Mohammad Nazri Mohd Ja'afar
Professor Ir Dr Mohd Zainal Abidin Ab Kadir . Professor Dr Nasrudin Abd Rahim FASc . Professor Dr Noorsaadah A. Rahman FASc . Professor Dr Ramesh T Subramaniam
Professor Dr Raubah Hashim FASc . Professor Dr Rosnah Mohd Zain FASc . Professor Dr S Vikineswary Sabaratnam . Professor Dr Shamala Devi A Sekaran
Professor Dr Sharifah Bee O A Abd. Hamid . Professor Ir Dr Sim Kok Swae . Professor Dr Syed Atwee Aljunid Syed Junid . Dr Teo Soo Hwang FASc
Professor Dr Uda Hashim . Professor Dr Wan Ahmad Tajuddin Wan Abdullah FASc

Belanja RM5j

■ MOSTI guna peruntukan daripada bajet untuk Buy Back Policies mulai tahun depan

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my
Bangi

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang menerima peruntukan RML3 bilion daripada Bajet 2015 akan membelanjakan RM5 juta untuk polisi pembelian semula produk inovasi tempatan, Buy Back Policies mulai tahun depan.

Pengenalan produk itu sejajar dengan hasrat MOSTI untuk mengkomersialkan 60 produk inovasi setahun dan setakat ini angka berkenaan sudah dicapai, sekali gus membantu mencapai sasaran

360 produk inovasi dikomersialkan menjelang 2020.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pelaksanaan polisi itu penting bagi membantu produk inovasi tempatan lebih awal meneroka pasaran dan mampu meningkatkan permintaan pengguna.

Beliau berkata, selepas produk inovasi dikomersialkan, kementerian akan memberikannya kepada sektor tertentu antaranya sekolah bagi mendapat maklum balas dan ia juga sebagai tanda aras sama ada ia mempunyai kesan baik dalam pasaran atau sebaliknya.

"Negara ingin mempunyai produk inovasi berimpak tinggi kepada pasaran kerana kita tidak mahu pengeluar produk saja yang memperakui kemampuan tetapi tidak dalam kalangan pengguna dalam pasaran itu sendiri.

"Menerusi peruntukan 2015 itu juga, kita akan terus menyokong pembangunan kajian sejumlah RM90 juta bagi tujuan sama. Malah, kita ingin peningkatan antara 10 hingga 15 peratus produk inovasi dikomersialkan pada tahun depan," katanya pada perasmian StAr Awards 2014 di sini, kelmarin.

StAr Awards 2014 ialah Anugerah Majlis Standard



DR Abu Bakar (kanan) menyampaikan Anugerah Khas Jabatan Standard Malaysia 2014 kepada Ramli.

dan Akreditasi Malaysia yang diberikan kepada pelbagai pemain industri, kerajaan serta individu yang cemerlang mengguna pakai standard berkenaan.

Terdapat empat kategori ditampikan iaitu Anugerah Khas yang dianugerahkan kepada Pengerusi Majlis

Standard Malaysia, Tan Sri Ramli Kushairi. Tiga anugerah lain iaitu Anugerah Standard, Anugerah Pengguna-Pengguna Standard Malaysia dan penerima Standard Olympiad di Anseong, Korea.

Abu Bakar berkata, sehingga kini terdapat lebih

6,500 Malaysia Standard dibangunkan bagi 24 sektor ekonomi Malaysia dan fokus pada tahun ini adalah untuk meningkatkan pematuhan kepada standard serta mewujudkan permintaan domestik dan antarabangsa bagi produk dan perkhidmatan Malaysia.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 10 DISEMBER 2014 (RABU)

Angin kencang, laut bergelora dijangka hingga Jumaat

KUALA LUMPUR -

Angin kencang timur laut dan laut bergelora di kawasan perairan pedalaman, pantai barat dan Kudat, Labuan di Sabah dan Miri di Sarawak dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.



Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan berkata angin kencang dan laut bergelora itu mencapai kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) manakala ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dalam tempoh itu.

Keadaan itu berlaku berikutan taufan Hagupit, yang membawa angin kencang timur laut, dikesan kira-kira 883 kilometer ke timur laut Kudat dengan pergerakan ke arah barat laut dengan kelajuan 10 kmsj pada 11 malam kelmarin.

Taufan itu dikesan pada latitud 13.8 utara dan longitud 120.8 timur, menurut jabatan itu.

Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga terdedah kepada kenaikan paras air laut hari ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri. - Bernama

Strong winds, rough seas expected until Friday

KUALA LUMPUR: Strong north-easterly winds and rough seas in the waters off Sabah, interior areas, west coast and Kudat, Labuan, and Miri, Sarawak, are expected to continue until Friday.

The Malaysian Meteorological Department, in a statement yesterday, said it was due to typhoon Hagupit which brought strong north-easterly winds that were detected 883km from northeast Kudat, Sabah, heading northwest at a speed of 10kph at 11pm on Monday.

The typhoon was detected at latitude 13.8° north and longitude 120.8° east, said the department.

The coastal areas in Kelantan, Terengganu, Pahang and east Johor are also exposed to rising sea water levels until today.

The strong winds and rough sea conditions are dangerous to all coastal and shipping activities, including fishing and ferry services.

So far, at least 27 people have been killed in the storm in the Philippines.

— Bernama



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Berterusan Hingga Jumaat

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Angin kencang timur laut dan laut bergelora di kawasan perairan pedalaman, pantai barat dan Kudat, Labuan di Sabah dan Miri di Sarawak dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata angin kencang dan laut bergelora itu mencapai kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) manakala ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dalam tempoh itu.

Keadaan itu berlaku berikutan taufan Hagupit, yang membawa angin kencang timur laut, dikesan kira-kira 883 kilometer ke timur laut Kudat dengan pergerakan ke arah barat laut dengan kelajuan 10 kmsj pada 11 malam tadi.

Taufan itu dikesan pada latitud 13.8 utara dan longitud 120.8 timur, menurut jabatan itu.

Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga terdedah kepada kenaikan paras air laut sehingga esok.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

-- BERNAMA

ANGKASA nafi bumi bergelap

» Khabar angin fenomena pernah dikeluarkan pada tahun 2012

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penyebaran berita bumi akan mengalami kegelapan selama enam hari berturut-turut mulai 16 hingga 22 Disember ini, adalah palsu.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Dr Noordin Ahmad, berkata artikel mengenai fenomena itu pernah tersebar pada tahun 2012, namun kejadian didakwa tidak berlaku.

"Artikel itu mendakwa bumi

akan bergelap selama enam hari disebabkan oleh ribut suria yang dihasilkan oleh matahari pada hari berkenaan.

"Ribut suria dan matahari tidak menyebabkan kejadian siang atau malam, kerana bumi dilindungi oleh medan magnet yang menyebabkan kesan sebarang ribut suria dipesongkan dan menjadi lemah sebelum sampai ke bumi," katanya pada satu kenyataan kepada BH, semalam.

Dr Noordin berkata, baki ribut yang memasuki bumi akan teryahcas sebagai Aurora di Hemisfera Utara dan Selatan.

Artikel mengenai fenomena itu yang dikeluarkan oleh laman

web Huzlers.com bertajuk 'Agensi Angkasa Lepas Amerika Syarikat (NASA) mengesahkan seluruh dunia bakal bergelap selama enam hari pada Disember 2014', dan tersebar menerusi media sosial dan laman web di seluruh dunia.

Perlu bertenang

Huzlers.com turut mendakwa sumber Presiden NASA, Charles Bolden, memberi amaran kepada orang ramai bertenang kerana ribut suria akan menyebabkan 90 peratus matahari dihalang oleh habuk serta serpihan di angkasa.

Boden juga dikatakan turut mengeluarkan kenyataan ribut suria ini adalah yang terburuk serta terbesar dalam tempoh 250 tahun dan akan menghalang matahari selama 216 jam.

Menurut saintis NASA, Earl Godoy, sekiranya dunia bergelap selama enam hari, perkara itu tidak akan mendatangkan sebarang masalah kerana bumi masih mampu bertahan menggunakan cahaya buatan.

Bagaimanapun, sehingga malam tadi, NASA belum mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi mengenai artikel disiarkan Huzlers.com.

Info

Fenomena bumi mengalami kegelapan selama enam hari didakwa disebabkan oleh ribut suria menyebabkan 90% matahari dihalang oleh habuk serta serpihan di angkasa



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 10 DISEMBER 2014 (RABU)

Peluang saksikan pancuran Meteor Geminids

KUALA LUMPUR 9 Dis.

- Peminat galaksi kini berpeluang menyaksikan juraian pancuran Meteor Geminids yang berpusat di buruj Gemini pada malam kemuncaknya, 13 dan 14 Disember ini.

Menurut kenyataan **Agensi Angkasa Negara (Angkasa)**, Bumi akan merentasi serpihan batuan kecil yang berasal dari Asteroid 3200 Phaethon pada pertengahan bulan Disember setiap tahun.

“Serpihan batuan tersebut akan memasuki atmosfera Bumi lalu terbakar dan menghasilkan jaluran-jaluran cahaya di langit yang dikenali sebagai pancuran meteor.

“Pancuran meteor ini telah bermula sejak minggu lalu dan dijangka berakhir pada 17 Disember. Walau bagaimanapun, penglihatannya agak terhad tahun ini kerana bulan pada waktu yang sama sedang dalam proses menghampiri fasa bulan penuh,” katanya di sini hari ini.

Kata kenyataan itu lagi, kebiasaannya orang ramai dapat melihat kira-kira 120 meteor dalam masa satu jam namun disebabkan cahaya bulan yang terhad, serpihan meteor hanya dapat dilihat dalam 50 hingga 80 juraian sejam kali ini.

“Untuk menyaksikan pancuran meteor itu, orang ramai tidak memerlukan sebarang alatan khas kerana boleh melihatnya dengan mata kasar dan masa terbaik adalah pada pukul 8 malam sehingga terbit bulan pukul 12 tengah malam,” katanya.



Orang Ramai Berpeluang Saksikan Pancuran Meteor Geminids Hujung Minggu Ini

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Orang ramai boleh menyaksikan pancuran Meteor Geminids yang berpusat di buruj Gemini pada malam Sabtu (13 Dis) dan Ahad (14 Dis) ini.

[Agensi Angkasa Negara \(Angkasa\)](#) dalam satu kenyataan hari ini berkata pancuran meteor itu telah bermula sejak 3 Dis dan dijangka berakhir pada 17 Dis, dengan kemuncaknya pada hujung minggu ini.

"Bagaimanapun, pada tahun ini, kenampakannya agak terhad kerana pada waktu yang sama bulan baru melepasi fasa bulan penuh," menurut kenyataan itu.

Pada pertengahan Disember setiap tahun, bumi akan merentasi serpihan batuan kecil yang berasal dari Asteroid 3200 Phaethon yang mana ia akan memasuki atmosfera bumi lalu terbakar dan menghasilkan jaluran-jaluran cahaya di langit yang dikenali sebagai pancuran.

"Pada kebiasaannya, orang ramai dapat melihat kira-kira 120 meteor dalam masa satu jam, namun disebabkan cahaya bulan penuh, kenampakannya akan terhad kepada 50 hingga 80 juraian sejam," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, masa terbaik untuk melihat meteor ialah bermula 8 malam sehingga terbit bulan pada jam 12 tengah malam dan tidak memerlukan sebarang alatan khas kerana ia boleh dilihat dengan mata kasar.

Angkasa juga menyarankan orang ramai supaya memilih kawasan yang kurang gangguan pencemaran cahaya dan lapang serta tidak dilindungi oleh bangunan dan pokok seperti kawasan tepi pantai dan padang.

"Untuk keselamatan, elakkan daripada pergi seorang diri, sebaiknya pergi secara berkumpulan dan laporkan kepada pihak berkuasa tentang lokasi keberadaan anda. Sekiranya keadaan langit berawan, anda mungkin tidak akan nampak kemunculan juraian meteor tersebut," katanya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang Angkasa di www.angkasa.gov.my, laman sosial Facebook Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) atau Twitter ANGKASA Malaysia.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 10 DISEMBER 2014 (RABU)**



Khalidah Mustafa (left) and Datuk Dr Abdul Rahim Hashim.



(From left) Mimi Mastura, Ruhil Amani Zainal Abidin and Melatie Aziz.

**SIRIM HOLDS
INDUSTRY NIGHT**



(From left) Mohd Shafa Azam Mohd Othman, Nur Ashiqin Mohd Ridzuan Nirmal and Tan Kean Leong.

(From left) Mohd Shafa Azam Mohd Othman, Nur Ashiqin Mohd Ridzuan Nirmal and Tan Kean Leong.

SUBANG JAYA: Sirim Bhd held its annual Sirim Industry Night with the theme Total Solutions Provider in Quality and Technology at Sunway Resort Hotel & Spa recently.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah launched the event.

Sirim Quality Awards were handed out to US Continental Tyre Malaysia Sdn Bhd, ProEight Sdn Bhd, Rokonma (M) Sdn Bhd, KPJ Ipoh Specialist Hospital, Public Packages Sdn Bhd, Kolej Poly-Tech Mara Alor Setar and Employees Provident Fund.

Sirim Bhd chairman Datuk Jamali-

ah Kamis said Sirim Qas International Sdn Bhd, a subsidiary, would introduce new design labels for its product certification scheme on Jan 1.

She said this was in line with efforts to ensure that consumer goods such as electrical products, helmets, seat belts and fire protection equipment controlled by the Energy Commission, Road Transport Department and, Fire and Rescue Department, passed the required testing and only used valid labels from Sirim.

Also present was Sirim Bhd president and chief executive officer Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof. **By Naveen Mathew Menon**



(From left) Greg Khoh, Gabby Chiang and Jojo Tang. Pix by Khairull Azry Bidin



(From left) Rubeatul Adawiah Mohd Baidzawi, Nor Farah Zakiah, Azila Ahmad, Ahmad Azmi and Saftan Jais.



(From left) Leong Hong Lin, Cellin Benjamin and Angelene Henry Lojutan.

For enquiries or to buy pictures featured here, contact Santha or Janariah at 03-2056 9318. You can also email santha@nst.com.my or hamizi@nst.com.my